

Malaysia akan terus libatkan diri dalam pasaran bebas — PM

KUALA LUMPUR 16 Nov. — Malaysia akan terus melibatkan diri dalam pasaran bebas walaupun penyalahgunaan pengurusan di dalamnya turut merugikan negara, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini. Perdana Menteri menyatakan, Malaysia tidak boleh mengasingkan diri jika ia mahu menikmati perkembangan eksport yang tinggi walaupun perdagangan antarabangsa sekarang sentiasa terancam

oleh turun naik nilai matawang dan harga saham.

“Kita mempunyai pilihan untuk keluar dari sistem pasaran bebas tetapi jika itu yang dilakukan negara ini terpaksa mengucapkan ‘selamat tinggal’ kepada pertumbuhan ekonomi dan menerima kemunduran sebagai hasil dari perniagaan dalaman,” ujarnya.

Beliau yang menyampaikan ucapan dasarnya di Persidangan Ahli-ahli

Perniagaan anjuran Yayasan Pengurusan Malaysia (MIM) di sini pagi ini menegaskan, banyak negara yang mengambil langkah pengasingan diri telah menerima nasib seperti itu.

“Oleh sebab itu kita tidak boleh keluar dari pasaran bebas ini walaupun kini penyalah pengurusan berleluasa,” tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap, pucuk pengurusan ekonomi

17 NOV 1987
negara ini mempunyai kemampuan mengesan arus pasaran yang dahsyat itu untuk mengelakkan negara ini dari terjebak. Katanya, gejala keruntuhan pasaran saham dan turun naik matawang ini timbul akibat sikap tamak dan perasaan mahu untung cepat yang ada pada peniaga matawang sehingga mereka sanggup menolak dan menurunkan nilai matawang dolar. “Matawang yang stabil tidak akan menguntungkan

mereka. Oleh itu mereka sengaja menolak naik dan menurunkan nilainya. Turun naik matawang Amerika Syarikat sekarang adalah disengajakan dan bukan dipengaruhi oleh faktor-faktor yang sepatutnya menentukan nilai matawang itu,” ujar beliau.

Tambah beliau, tidak ada siapa boleh mengatakan dolar jatuh nilai kerana berkurangnya emas yang menyokongnya atau merosotnya suasana politik dan ekonomi negara itu.

“Ketara sekali semua faktor ini tidak berubah. Apa yang berlaku adalah rekaan semata-mata,” tegas beliau.

Katanya lagi, pasaran saham juga menerima nasib yang sama dan fungsinya sebagai tempat untuk menambah modal telah dilupakan sama sekali.

“Malahan amalan melabur untuk mendapatkan dividen juga telah tidak mendapat tempat, yang tinggal sekarang hanyalah kepentingan mengaut keuntungan.

Faktor-faktor yang mempengaruhi harga saham seperti kemampuan syarikat, dividen yang tinggi dan pertambahan asetnya telah tidak diambil-kira lagi, sebaliknya sentimen dan keuntungan segera memainkan peranan,” tambah Perdana Menteri lagi.